

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI JUMAAT, 23 MEI 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 1 (A120)

Apakah terdapat sebarang usaha oleh kerajaan negeri untuk memperkasa dan memperluaskan penggunaan tulisan jawi dalam kalangan rakyat negeri ini khususnya bagi golongan muda?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 2 (A160)

Ketiadaan kuota rumah kos rendah dalam sesebuah projek perumahan memberikan kesan kepada kemampuan rakyat memiliki rumah. Mohon kerajaan senaraikan perumahan yang gagal mematuhi syarat tersebut di DUN Sungai Balang dan apa tindakan kerajaan terhadap pemaju tersebut?

YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 3 (A125)

Sejauh manakah isu keganasan rumah tangga mengikut statistik yang direkodkan di negeri Johor sepanjang tempoh 2 tahun ini dan apakah langkah yang telah diambil untuk membendung kejadian tersebut?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 4 (A149)

Apakah hasil daripada operasi bersepodu yang dijalankan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dalam mengawal perniagaan warga asing, dan bagaimana keberkesanan operasi ini diukur?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 5 (A94)**

Bagi melindungi kepentingan awam dari sudut kebersihan dan kesihatan, apakah langkah berkesan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia termasuk agensi-agensi berkaitan dalam menguatkuasakan peraturan khususnya dalam menangani kebanjiran Warga Asing yang menjalankan perniagaan makanan tanpa permit?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 6 (A24)**

Kesedaran hak wanita dalam penceraian. Adakah program khusus yang dijalankan kepada Muslim dan non Muslim bagi memahami tuntutan dan hak mereka sebagai isteri? ini kerana ada ramai wanita tidak tahu hak mereka terutamanya yang kurang pendidikan.

**YB PUAN HASLINDA BINTI SALLEH (TENANG)
SOALAN 7 (A123)**

Apakah terdapat cadangan penambahbaikan dari aspek elaun pegawai serta peruntukan lain kepada surau Jumaat memandangkan peranan serta fungsi surau Jumaat menyamai peranan masjid ketika ini?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 8 (A127)**

Apakah usaha dan tindakan kerajaan negeri Johor bagi melaksanakan pengharaman vape (rokok elektronik) secara total di negeri Johor yang telah diwartakan pada tahun 2016?

**YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 9 (A33)**

Apakah status perkembangan terkini perancangan JSSEZ?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)
SOALAN 10 (A195)**

JS-SEZ berteraskan model kerjasama Shenzhen-Hong Kong. Sejauh mana keyakinan kerajaan terhadap potensi Johor sebagai 'Shenzhen Malaysia', dan apakah KPI utama untuk menilai kejayaan jangka panjangnya?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 11 (A91)

Minta dinyatakan bagaimana Johor dapat memanfaatkan kedudukannya berjiran dengan Singapura sebagai hab ekonomi serantau untuk mengukuhkan perdagangan antarabangsa?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 12 (A61)

Apakah ada sebarang bentuk sumbangan atau bantuan yang diberikan oleh kerajaan negeri dalam menghargai mahasiswa-mahasiswa Johor yang cemerlang serta kurang berkemampuan?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 13 (A169)

Nyatakan status terkini penempatan baharu bagi Pelabuhan Batu Pahat dan bila ianya akan mula beroperasi?

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 14 (A64)

Apakah inisiatif ECERDC dan kerajaan negeri dalam memperkasa sektor keterjaminan makanan dan memperhebat pembangunan ekonomi berdasarkan pertanian di daerah Segamat?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 15 (A67)

Adakah Kerajaan Negeri Johor merancang untuk mengaktifkan semula Projek Infra Saliran Johor Barat memandangkan kejadian banjir baru-baru ini telah menjelaskan kehidupan penduduk dan menunjukkan keperluan mendesak bagi sistem saliran yang lebih berkesan?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 16 (A151)

Apakah rancangan kerajaan negeri untuk memperluaskan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi menyediakan peluang kerjaya kepada belia tempatan?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 17 (A83)

Apakah persediaan dan keterjaminan kemudahan asas yang perlu disediakan oleh kerajaan negeri kepada penempatan generasi baru FELDA yang sekarang ini mula membina penempatan dari permintaan keperluan

persediaan kemudahan awam, pembekalan air bersih, bekalan elektrik, talian unifi dan lain-lain kemudahan asas.

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 18 (A201)**

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam menubuhkan Skill Hub Johor dalam memacu Pendidikan TVET negeri Johor selari dengan hala tuju JTDC?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 19 (A26)**

Apakah bidang profesional yang mengalami kekurangan tenaga kerja di Zon Ekonomi Johor Singapura (JS-SEZ) pada masa ini, dan berapa jumlah kekurangannya?

**YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 20 (A158)**

JS-SEZ telah menetapkan kadar pendapatan tenaga kerja antara RM4k-RM5k dan keatas sudah pasti menjadi tarikan banyak pihak. Apakah mekanisma kerajaan dalam memastikan peluang pekerjaan ditawarkan untuk Bangsa Johor tanpa diskriminasi dan dapat memastikan pasaran perkhidmatan kerajaan awam masih lagi kompetitif?

**YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 21 (A142)**

Kebanyakan Pasaraya D'mart Felda di seluruh negara telah ditutup akibat masalah aliran tunai. Namun kerjasama strategik bersama Segi Fresh mampu memberikan nafas baru. Bilakah D'Mart di Negeri Johor akan beroperasi semula khususnya di 6 FELDA dibawah DUN Johor Lama?

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 22 (A168)**

Apakah status pembukaan semula laluan masuk Jalan Kampung Rahmat-Taman Evergreen Height yang telah ditutup kerana penutupan jalan tersebut telah memberi kesukaran kepada penduduk di sekitar menjalani urusan sehari-hari seperti penghantaran anak-anak ke sekolah agama serta menyebabkan kesesakan lalu lintas.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 23 (A176)**

Banyak projek pembangunan perumahan di sekitar laluan FT005 Jalan Tanjung Labuh sedang dijalankan. Bolehkah kerajaan menaik taraf sistem lalu lintas jalan tersebut terlebih dahulu seperti pelebaran jalan dan lain-lain

bagi memastikan lalu lintas di jalan tersebut yang sesak berjalan dengan lancar?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 24 (A143)

Tular baru-baru ini motosikal hanyut dibawa banjir di jalan masuk FELDA Air Tawar 3. Apakah solusi dari pihak JKR dan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah yang sudah berulang kali berlaku?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 25 (A66)

Mohon Kerajaan Negeri Johor ambil tindakan segera memasang lampu jalan di hotspot gelap sepanjang Jalan Ulu Pulai demi keselamatan pengguna, memandangkan jalan negeri ini berisiko tinggi dan kurang pencahayaan, khususnya pada waktu malam.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 26 (A38)

Kerajaan Negeri setiap tahun telah membelanjakan sejumlah Peruntukan Pembangunan kepada Kampung-Kampung Baru dalam negeri Johor. Berapakah jumlah Peruntukan Pembangunan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi setiap Parlimen yang terdapat di dalam negeri Johor?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)
SOALAN 27 (A47)

Apakah prestasi semasa atau indikator awal kejayaan Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ) yang telah dicapai sehingga April 2025?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 28 (A49)

Apakah rancangan kerajaan negeri terhadap keperluan enakmen anti lompat parti?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 29 (A51)

Untuk memperbaiki perkhidmatan di DUN yang mempunyai jumlah pengundi yang tinggi, adakah kerajaan negeri mempunyai rancangan untuk membuat persempadanan semula bagi menyelesaikan masalah ini?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 30 (A53)

Penggondolan Gunung Lambak amat merisaukan penduduk di Kluang, bolehkah kerajaan mempertimbangkan untuk membuat Pengambilan Balik Tanah persendirian di kawasan Gunung Lambak?

YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)
SOALAN 31 (A65)

Memandangkan kawasan Pontian, termasuk DUN Pekan Nanas, terletak dalam lingkungan zon tumpuan JSSEZ, apakah pelan pembangunan khusus untuk kawasan ini bagi memastikan kawasan luar bandar turut mendapat limpahan pelaburan?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 32 (A75)

Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memperkenalkan dasar baharu berkaitan royalti hasil bumi atau perjanjian konsesi yang lebih telus dan memberi pulangan lebih tinggi kepada negeri?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 33 (A76)

Apakah status semasa pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Wilayah Johor Selatan dan apakah impaknya kepada penduduk tempatan?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 34 (A88)

Minta dinyatakan dasar yang komprehensif oleh kerajaan negeri untuk menambah hasil negeri secara mampan dalam tempoh lima tahun akan datang.

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 35 (A90)

Minta dinyatakan pendekatan kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan kepada sumber hasil tradisional iaitu hasil bercukai dalam mempelbagaikan sumber hasil negeri.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 36 (A98)

Melalui Perjanjian Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) yang termeterai, apakah bentuk keuntungan dan implikasinya kepada Bangsa Johor, sah untuk berapa tahun dan apakah perkara yang membolehkan

perjanjian ini terbatal. Adakah sebarang pampasan atau ganti rugi perlu dibayar sekiranya Perjanjian itu dibatalkan?

4. **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU SULTAN JOHOR.**

----- (Penggulungan YB Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 26 Mei 2025, jam 9.30 pagi.